

**Parlimen: Lebih 60 Ribu Kenderaan Perdagangan Belum Daftar Semula
Bernama
27 September, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Sept (Bernama) -- Lebih 60,000 lesen kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam gagal didaftarkan semula sejak pengambilalihan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) dan Kementerian Pelancongan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ahmad Maslan berkata sebanyak 363,179 jumlah lesen telah dikeluarkan sebelum ini tetapi hanya 301,367 yang berdaftar semula sehingga minggu ini.

"Sebanyak 17 peratus purata pelbagai kenderaan belum dapat didaftarkan di bawah Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) disebabkan masalah peralihan semasa pengambilalihan daripada LPKP dan Kementerian Pelancongan terutama untuk kelas lesen Kereta Sewa Pandu dan Bas Persiaran.

"Antara kenderaan yang belum didaftarkan sejak peralihan itu ialah lori pembawa, teksi, teksi mewah, teksi lapangan terbang, kereta sewa pandu, kereta sewa, bas henti-henti, bas ekspres, bas mini, bas sekolah, bas pekerja dan bas persiaran," katanya dalam jawapan bertulis kepada soalan Datuk Seri Ong Ka Chuan (Barisan Nasional-Tanjung Malim) di Dewan Rakyat di sini pada Khamis.

Ong bertanya mengenai bilangan lesen kenderaan perdagangan dan perkhidmatan awam yang terlibat dalam operasi pendaftaran semula SPAD mengikut kategori berbanding jumlah lesen yang telah dikeluarkan sebelum ini.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=697839>